

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (HULU SELANGOR)

TARIKH: 21 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 21

MDHS hargai peranan JMB, MC

Berjaya melaksanakan tugas menyelenggarakan, menguruskan bangunan kediaman

BUKIT BERUNTUNG - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menghargai peranan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) sepanjang melaksanakan tugas menyelenggarakan serta menguruskan bangunan kediaman masing-masing.

Yang Dipertua MDHS, Noraini Roslan berkata, sejarah penubuhan JMB dan MC di daerah ini melalui perjalanan yang sukar serta mencabar namun berjaya di atasi dengan kerjasama semua pihak termasuk pemilik dan pemaju.

Menurutnya, bukan mudah bagi pihak MDHS melalui Bahagian Pesuruhjaya Bangunan untuk mewujudkan jawatankuasa memabatkan pemegang berkepentingan dalam sesuatu

pembangunan.

"Untuk melantik jawatankuasa pengurusan adalah sangat sukar selain cabaran ketika melaksanakan tugas mengutip yuran menguruskan kawasan masing-masing.

"JMB dan MC menerima pelbagai sumbangan disalurkan MDHS, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Dengan adanya peruntukan tersebut, secara tidak langsung dapat membantu meringankan beban untuk mengurus dan menyelenggarakan bangunan," katanya ketika merasmikan Hari Bertemu Pelanggan dan Majlis Apresiasi JMB/MC di Taman Awam Jenjarum,



Noraini menyampaikan Anugerah JMB/MC Terbaik Daerah Hulu Selangor bagi 2017 yang dimenangi JMB Apartmen Anggerik, Taman Bunga Raya.

kelmarin.

Hadir sama, Setiausaha MDHS, Azman Dahlan.

Noraini berkata, Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Perlesenan MDHS turut mempamerkan draf rancangan tempatan bagi

daerah ini untuk makluman penduduk setempat.

Menurutnya, draf tersebut mengandungi perancangan pembangunan fizikal ekonomi dan alam sekitar sehingga 2020.

"Rancangan tempatan

ini disediakan sejak 2011 maka kita akan bakal melakukan pengubahsuaian serta memperbaharui sehingga 2030.

"Penglibatan pelbagai agensi dan jabatan yang membuka kaunter, me-

INFO

• JMB dan MC menerima pelbagai sumbangan

disalurkan MDHS, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan

mudahkan urusan penduduk selain mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan yang disediakan.

"Program sebegini mendekatkan MDHS dengan masyarakat bagi mewujudkan jalinan kerjasama dan mengukuhkan hubungan baik dengan badan pengurusan sesuatu penempatan," katanya.